

DATE: 02/03/2007

Konsep kota agropolitan untuk empat lagi negeri

Program Lonjakan Mega Luar Bandar majukan Pulau Banggi

Oleh Hassan Omar

PULAU BANGGI (KUDAT): Pulau Banggi di Sabah akan menjadi kota agropolitan yang maju dan moden hasil Program Lonjakan Mega Luar Bandar (PLMLB) serta mampu mengeluarkan rakyat miskin tegar daripada belenggu kemiskinan.

Program dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di pulau itu, semalam juga akan dijadikan landasan untuk memajukan program sama di empat lagi negeri iaitu di Kesedar, Kelantan; Wilayah Ganda, Perak; Tanjung Gahai dan Pekan, Pahang serta Setiu, Terengganu.

Abdullah berkata, PLMLB yang dimajukan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui konsep agropolitan (kota di daerah pertanian dilengkapi kemudahan seperti di bandar) itu bukan setakat memberi manfaat kepada peserta program, malah membawa kemajuan secara menyeluruh untuk semua masyarakat di kawasan berkenaan.

"Saya yakin projek agropolitan ini boleh menjadi contoh pembangunan yang berjaya. Rakyat di pulau ini tertunggu-tunggu apa yang boleh dilaksanakan kerajaan. Mereka perlu diberi peluang untuk memajukan pulau ini," katanya ketika berucap merasmikan PLMLB, di Kampung Batu Layar, di sini, semalam.

Hadir sama, Datin Seri Jeanne Abdullah; Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Abdul Aziz Shamsuddin; Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman dan Ketua Eksekutif Felcra Bhd, Mohd Nasir Baba.

PLMLB di sini membabitkan penanaman getah di kawasan 4,000 hektar oleh Felcra Bhd yang bakal diusahakan 1,000 Ketua Isi Rumah Miskin Tegar (KIRMT). Program dimajukan dengan kos RM167.36 juta itu juga akan memberi manfaat kepada lebih 13,000 penduduk pulau ini yang bakal menikmati limpahan pro-



INGIN TAHU: Abdullah, Jeanne dan Musa Aman (dua kanan) mendengar taklimat Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Jamaliah Kamis (dua kiri) mengenai model projek selepas merasmikan Program Lonjakan Mega Luar Bandar di Kampung Batu Layar, di Kudat, semalam.

jek pembangunan ekonomi, infrastruktur dan modal insan.

Abdullah yakin pembangunan modal insan yang turut disertakan dalam PLMLB akan membolehkan anak nelayan dan petani di pulau berkenaan memperoleh ilmu pengetahuan untuk memajukan pertanian dan perikanan moden.

Beliau berkata, industri pelancongan yang bakal dimajukan menerusi PLMLB harus dimanfaatkan penduduk tempatan dengan menyediakan makanan dan minuman secara bersih.

Sementara itu, pada sidang media, Abdullah berkata, beliau mahu projek agropolitan itu dimajukan dengan tanaman organik atau tanaman tidak menggunakan bahan kimia

yang mendapat pasaran baik kini.

Ditanya mungkin ada sesetengah pihak menyifatkan PLMLB sebagai petanda pilihan raya umum sudah hampir, Abdullah berkata, ia tidak

seharusnya dijadikan ukuran untuk mengadakan pilihan raya kerana Kerajaan Barisan Nasional (BN) memajukan negara bukan kerana adanya pilihan raya.

Pada masa sama, Abdullah mahu sumber angin dan solar digunakan untuk menjana elektrik bagi projek pembangunan di pedalaman, terutama yang dimajukan sebagai kawasan pertanian mega bagi menjimatkan kos.

Perdana Menteri berkata, tenaga berkenaan mampu dimajukan melalui penggunaannya secara meluas kerana usaha membekalkan tenaga elektrik melalui kaedah konvensional di kawasan itu membabitkan kos terlalu tinggi, berbanding tenaga solar dan angin.

FAKTA NOMBOR

Program Lonjakan Mega Luar Bandar

RM167.4j

Kos

13,000

Penduduk nikmati kemudahan